

Paras air lebihi tahap bahaya

■ Hujan sekejap-sekejap dan sederhana punca air naik

Oleh **MOHD AZAM SHAH
YAACOB**

mohdazam@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Penduduk di beberapa kawasan di Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sarawak diminta berjaga-jaga berikutan hujan yang menyebabkan air di beberapa sungai kini melebihi paras bahaya.

Maklumat daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendapati paras air beberapa sungai naik berpunca daripada hujan sekejap-sekejap dan sederhana yang berlaku di kawasan berkenaan.

Antara kawasan ini ialah Belaga di Kapit, Sarawak dengan paras air mencecah 51.03 meter; Johor iaitu di Buloh Kasap (9.51 meter), Bukit Kepong (3.47 meter), Ladang Chaah (6.09 meter); Pahang di Kuantan Bypass (20.76 meter), Bukit Kenau (20.76 meter), Lubuk Pasu (32.94 meter), Pekan (3.17 meter), Sungai Yap (50.82 meter); Kelantan di Sungai

Golok (9.99 meter) dan Melaka di Sungai Duyong (1.41 meter).

Semalam, Jabatan Meteorologi Malaysia turut mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat Jinnga berikutan hujan sekejap-sekejap dan sederhana di Pahang membabitkan daerah Kuantan, Pekan, Rompin, Temerloh, Bera dan Maran yang dijangka berterusan sehingga hari ini.

Sehingga semalam, Jabatan Meteorologi Malaysia melaporkan keadaan ribut petir dan hujan lebat di Perak yang membabitkan daerah Kampar dan Batang Padang; Selangor (Hulu Langat, Gombak dan Hulu Langat); Negeri Sembilan (Jelebu dan Jempol) Pahang (Cameron Highlands, Lipis, Jerantut, Raub dan Bentong).

Keadaan ini berkemungkinan menyebabkan angin kencang dan banjir kilat.

Sementara itu, hujan lebat di Belaga, Kapit, Sarawak menyebabkan air sungai melebihi paras bahaya. Sehingga 3 petang semalam,